



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KKM/NPRA.PKP/600-2/11 (33)
Tarikh : 07 Julai 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan

SESI e-ENGAGEMENT BERKENAAN PELAKSANAAN PELAN BERFASA PEMERIKSAAN AMALAN PENGEDARAN BAIK (AEB) SECARA RUTIN KE ATAS PENGIMPORT DAN PEMBORONG PRODUK RANGKAIAN SEJUK/ 'TIME & TEMPERATURE SENSITIVE PRODUCT' (TTSP)

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Seksyen Amalan Edaran Baik, Pusat Komplians dan Kawalan Kualiti (PKKK) akan menganjurkan satu sesi *e-Engagement* untuk memaklumkan kepada pihak industri yang terlibat berkenaan pelan berfasa pemeriksaan secara rutin ke atas fasiliti pengendalian produk rangkaian sejuk / 'time & temperature sensitive product' (TTSP). Sehubungan itu, YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dijemput untuk menghadiri sesi tersebut secara dalam talian ('online') seperti ketetapan berikut:

Tarikh : Bulan September 2020
(tarikh dan masa akan dimaklumkan kepada peserta bersekali dengan pengesahan penerimaan penyertaan)

Aplikasi : Google Meet

Agenda : 1. Pembentangan Pelaksanaan Pelan Berfasa Pemeriksaan AEB Secara Rutin ke Atas Fasiliti Pengendalian Produk Rangkaian Sejuk

2. Sesi Q & A

3. Tujuan sesi *e-Engagement* ini diadakan adalah sebagai persediaan bagi pihak industri yang terlibat dalam pengendalian produk TTSP atau berhasrat untuk mengendalikan produk TTSP untuk memahami pelan berfasa pemeriksaan secara rutin ke atas fasiliti pengendalian produk TTSP dan mematuhi keperluan yang dinyatakan dalam garis panduan AEB semasa.

4. Sebagai lanjutan daripada hal di atas, **keutamaan** sesi e-*Engagement* ini akan dibuka kepada pengimport/pemborong yang terlibat atau berhasrat untuk mengendalikan produk TTSP. Pihak NPRA memohon kerjasama YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan atau wakil-wakil yang berminat untuk menghadiri sesi tersebut untuk membuat pendaftaran '*Registration of Interest*' melalui pautan kod 'QR' yang disediakan di bawah sebelum 30 Julai 2020 (Jumaat). Pengesahan pendaftaran dan pautan akses aplikasi mesyuarat akan dihantar kepada wakil masing-masing melalui emel.



5. Sebarang pertanyaan lanjut, sila rujuk kepada **Pn. Nur Azimah Mohd Taman (03-7883 5492 / azimah_taman@npra.gov.my)** atau **En. Shaik Muhammad Naquib Shaik Mohamed (03-7883 5495 / shaik_mn@npra.gov.my)**.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Dr. Hasenah Binti Ali".

(DR. HASENAH BINTI ALI) RPh. 1517
Pengarah
Bahagian Regulatori Farmasi Negara
Kementerian Kesihatan Malaysia

HA/smnsm

✉ hasenah@npra.gov.my/ shaik_mn@npra.gov.my
☎ +603 – 7883 5491 / 5495
📠 +603 – 7957 1200